

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 15 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 6**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1131-L710  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan telah bercadang untuk mengkaji semula skim perjawatan di sektor awam di negara ini memandangkan pada masa ini masih wujud kelemahan-kelemahan tertentu di kalangan anggota perkhidmatan awam.
2. PN-1131-L769  
**Tuan Chiu Tiang Chai** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah rangkaian sistem jalur lebar telekomunikasi akan dapat dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar dalam usaha untuk menggalakkan pertumbuhan kawasan-kawasan industri baru di luar bandar.
3. PN-1131-L367  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik rakyat miskin dan miskin tegar di bandar dan luar bandar. Apakah kriteria yang diguna pakai bagi menentukan keluarga isi rumah (KIR) miskin atau miskin tegar serta langkah-langkah drastik yang akan diambil untuk membantu golongan ini dalam RMK-9.
4. PN-1131-L268  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan faedah-faedah perjanjian perdagangan bebas bersama Jepun di bawah FTA di mana Malaysia dibenarkan mengeksport buah-buahan dan sayur-sayuran ke Jepun tanpa cukai sedangkan Jepun pula dibenarkan mengeksport kereta tanpa cukai ke Malaysia. Apakah kesannya kepada negara dari segi jangka masa panjang.

5. PN-1131-L686  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan baru-baru ini didapati bahawa majikan di kilang lebih gemar mengambil pekerja-pekerja asing daripada memberi keutamaan kepada pekerja tempatan .Ini akan membawa masalah pengangguran dalam negara. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah ini dan nyatakan juga apakah kuota yang ditetapkan dalam pengambilan pekerja asing dan pekerja tempatan dalam sesuatu industri.
6. PN-1131-L244  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah kos peruntukan untuk pembangunan wanita dalam RMK-9 di negara ini. Apakah bentuk program yang difikirkan bakal mencorakkan aktiviti pembangunan wanita terutama di negeri Kelantan.
7. PN-1131-L794  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan ada memperuntukkan geran pembiayaan bagi penghasilan manuskrip atau pengkajian seni, budaya dan warisan sejarah dan setakat ini berapa banyak jumlah penghasilannya.
8. PN-1131-L645  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratus wang EPF yang telah dilaburkan di dalam syarikat-syarikat GLC's (Government Link Comapany) dari tahun 2000 hingga 2005.
9. PN-1131-L714  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
  - (a) sama ada Kementerian dan pihak Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) telah bersetuju dengan kadar pendapatan minimum kepada para nelayan; dan
  - (b) adakah Kementerian sedang menggalakkan para nelayan untuk menambahkan pendapatan mereka dengan menceburkan diri dalam kerja-kerja sampingan.
10. PN-1131-L395  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah kajian implikasi terhadap penempatan guru-guru berijazah sebagai Guru Penolong Kanan di Sekolah Rendah Kebangsaan di mana Guru Besar pula bukan guru berijazah. Kenapakah tidak dilantik guru berijazah DG41 di sekolah-sekolah kebangsaan yang berpengalaman sebagai Guru Besar.

11. PN-1131-L309  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana perkara sepasang suami isteri yang terpaksa diadakan semula boleh berlaku seperti yang terjadi kepada pasangan Zanariah dan Muhamad Nazirul Azman dari Muar. Bagaimanakah cara bagi mengelakkan perkara ini dari berlaku lagi demi menjaga kesucian agama Islam itu sendiri.
12. PN-1131-L174  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan rasional di sebalik arahan memaksa Radio Ai FM memainkan sekurang-kurangnya sebuah lagu Melayu dalam setiap jam. Adakah Kementerian bersedia menghadapi risiko kehilangan pendengar di kalangan orang Cina dan menyebabkan informasi penting dari Kerajaan tidak dapat disampaikan kepada mereka.
13. PN-1131-L652  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan cawangan pusat latihan PERHEBAT di setiap negeri bagi membolehkan anggota tentera yang bakal berhenti dapat menjalani latihan peralihan di negeri masing-masing di samping memberikan perkhidmatan bimbingan susulan dan pemantauan yang lebih efektif terhadap hasil pencapaian dari program-program latihan yang telah dilaksanakan.
14. PN-1131-L396  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berkenaan Program "BERSAMAMU" TV3 kelihatan mencungkil kes-kes terpencil kemiskinan tegar. Di sebalik membantu individu atau keluarga tertentu, pendedahan oleh TV3 tersebut turut memberi gambaran negatif terhadap imej negara. Apa komen Kementerian mengenai program TV3 dari kaca mata kepentingan Kerajaan walaupun sememangnya terdapat kelemahan Jabatan tertentu dalam menanganinya atau sekurang-kurangnya prihatin dalam perkara seperti ini.
15. PN-1131-L295  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan usaha dan strategi yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap warisan seni rakyat Malaysia yang terdiri daripada 60 kumpulan etnik besar dan kecil dalam negara kita.

16. PN-1131-L588  
**Datuk Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah walau pun telah menemuduga pemohon dan yang telah menghantar surat kelulusan bayaran bulanan kepada pemohon tidak membuat bayaran seperti yang berlaku di Gombak Selangor yang tidak juga menjawab surat ataupun mengambil tindakan di atas surat saya yang meminta keterangan mengenai perkara tersebut.
17. PN-1131-L725  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dengan pandangan jauh soal mendidik budaya keusahawanan di sekolah bermula dari sekolah rendah. Keusahawanan adalah satu kerjaya yang harus digalakkan kerana impak 'wealth creating', inovasi, pengurusan dan lain-lain. Adakah Kementerian akan mengubal satu kurikulum yang mengambil kira elemen ini.
18. PN-1131-L522  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam melindungi barangan keluaran tempatan dalam menghadapi persaingan barangan import. Apakah pula usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan hasil barangan pengguna tempatan termasuk makanan dan pakaian yang rata-rata dikuasai oleh barangan yang diimport.
19. PN-1131-L680  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan telah menggariskan beberapa strategi bagi memperkemaskan pelaksanaan program pengswastaan sepanjang tempoh RMK-9. Dalam tempoh rancangan ini, inisiatif pembiayaan swasta (PFI) akan diperkenalkan dalam pelaksanaan projek pengswastaan. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menerangkan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan juga menerangkan mekanisme bersepadu bagi memastikan penyertaan bumiputera dilaksanakan dan dipantau dengan lebih berkesan dalam pelaksanaan projek penswastaan ini.
20. PN-1131-L211  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah pejabat Tourism Malaysia di luar negara dan namakan tempat-tempat tersebut; dan
  - (b) adakah perbelanjaan untuk operasi pejabat-pejabat tersebut telah mendapat pulangan dari segi peningkatan jumlah pelancong dari negara-negara tersebut.

21. PN-1131-L332  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramai tiap-tiap satu Fakulti Perubatan Universiti-Universiti Awam di negara kita ini boleh menerima pelajar perubatan setiap tahun.
22. PN-1131-L745  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada sasaran untuk mendekatkan jurang perbezaan dalam pendapatan antara sektor perindustrian dan sektor pertanian, jurang perbezaan dalam pendapatan antara bandar dan luar bandar dan jurang perbezaan antara yang ada dengan yang kurang akan dapat dicapai di bawah RMK-9. Apakah kadar keyakinan yang ia dapat dicapai memandangkan sektor perindustrian dijangka berkembang di kadar 6.7% setahun, berasaskan base atau pengkalan yang sudah besar dan matang manakala sektor pertanian akan bertumbuh pada kadar 5% setahun berasaskan daratan yang kurang mantap.
23. PN-1131-L441  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa peratus ekuiti dipegang oleh GLC's dan agensi Kerajaan dan menjelang tahun 2020 berapakah peratus ekuiti yang disasarkan. Apakah peratusan ini dikategorikan bawah bumiputera, bukan bumiputera atau yang lain.
24. PN-1131-L285  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah nasib Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 1971 di bawah RMK-9 ini. Apakah langkah Kerajaan untuk menyemarakkan kembali dasar ini sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini.
25. PN-1131-L130  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pencapaian pelajar-pelajar pekak dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM.
26. PN-1131-L353  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran lepasan IPTA/IPTS yang terdiri daripada pelajar-pelajar wanita di negeri Sarawak dan apakah langkah-langkah yang telah disediakan bagi membantu mereka ini mendapat pekerjaan ataupun menceburi bidang perniagaan.

27. PN-1131-L570  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian menyedari beban tugas Guru Besar atau Pengetua sebagai pentadbir sekolah. Adakah mereka ini telah diberikan pendedahan yang mencukupi mengenai prosedur mentadbir sekolah sebelum dilantik dan apakah langkah Kementerian untuk membantu sekiranya mereka melakukan kesilapan yang tidak disengajakan ketika menjalankan tugas.
28. PN-1131-L227  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan tindakan Kerajaan mengkorporatkan Jabatan Percetakan Negara dan menswastakan kilang cetak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyebabkan ramai pencetak-pencetak bumiputera gulung tikar. Apakah langkah-langkah untuk memulihkan keadaan ini dan bagaimanakah Kerajaan hendak membantu mereka serta mewujudkan lebih banyak kerja-kerja percetakan selaras dengan dasar Kerajaan dalam RMK-9.
29. PN-1131-L422  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bantuan modal yang akan diberikan kepada S.R.J.K (C) dan S.R.J.K (T) dalam Rancangan Malaysia Ke-9.
30. PN-1131-L245  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Kerajaan gagal mengawal dan memantau penyiaran berita yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama seperti karikatur Nabi Muhammad dan isu pengebumian jenazah M. Moorthy yang keterlaluan sehingga mencetuskan ketegangan antara kaum.
31. PN-1131-L374  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan strategi Kerajaan untuk memastikan bekalan minyak sawit yang secukupnya supaya harga minyak sawit sebagai minyak masak tidak terjejas kerana persaingan industri biodiesel.
32. PN-1131-L544  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah bilangan agensi yang terlibat dalam membangunkan IKS dan berapakah kos pengurusan agensi-agensi tersebut.

33. PN-1131-L777  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengapa Kementerian menghantar pegawai sehingga 25 orang ke Sukan SEA di Vietnam dan mengambil tempat atlet-atlet yang sepatutnya dihantar ke sana. Pegawai berkenaan juga difahamkan hanya 'makan angin' dan tidak sepatutnya dihantar kerana mereka tidak mempunyai tugas khusus.
34. PN-1131-L473  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menampung Penggerak-penggerak Rakan Muda dan sebab-sebab pengurangan Penggerak Rakan Muda yang telah dilantik beberapa tahun lalu.
35. PN-1131-L540  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bersetuju bahawa undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi untuk mengendalikan kes terhadap sesiapa yang cuba membuat sesuatu karikatur, tulisan, artikel atau provokasi yang lain atau apa jua yang boleh menghina agama atau nabi-nabi sama ada Agama Islam atau agama lain dan adakah pihak Kerajaan mengkaji secara khusus dan terperinci supaya disyorkan undang-undang khusus yang baru agar kes-kes penghinaan ke atas Nabi atau agama dapat dikendalikan dengan secepat mungkin dan tepat oleh pihak berkuasa.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

2. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

3. (D.R. 7/2005) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan**  
Tambahan (2005) 2006. **Kali Yang**  
**Kedua**